

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Acara
Sent: Tuesday, April 24, 2018 8:39 AM
To: UUM - All Staff
Subject: "SATVIK INDIA COUNCIL (SIC) DAN PUSAT KAJIAN LANGKAWI INTERNATIONAL TOURISM AND HOSPITALITY (LITH) BEKERJASAMA KE ARAH MEWUJUDKAN BADAN PEMANTAU VEGETARIANISME DI MALAYSIA"



PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA
SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND EVENT MANAGEMENT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' /Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan.



Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara; 23 April 2018

Sebagai salah satu faktor penarik pelancong ke satu-satu destinasi, makanan dan proses penyediaanya adalah salah satu isu penting yang perlu diambilkira. Ini kerana citarasa dan keperluan pelancong adalah pelbagai. Keperluan kepada makanan halal di kalangan muslim contohnya mempengaruhi pilihan mereka dari segi destinasi dan restoran yang mereka kunjungi. Begitu juga dengan gaya hidup pemakan sayuran atau vegetarian. Pelancong yang mengamalkan gaya pemakanan vegetarianisme amat mementingkan

isikandungan dan mutu yang ada dalam pemakanan mereka. Namun, sekiranya logo 'halal' oleh JAKIM telah lama diwujudkan untuk memaklumkan kepada pengguna tentang isikandung dan mutu dalam makanan untuk muslim, masih belum ada logo khas untuk melabelkan makanan sebagai vegetarian. Memandangkan kekurangan inilah maka satu badan dinamakan Satvik India Council (SIC) diwujudkan. Pengasasnya, Encik Abishek Biswas, telah membuat kunjungan ke Pusat Kajian Langkawi International Tourism and Hospitality atau LITH, iaitu pusat kecemerlangan di bawah Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, baru-baru ini untuk menjalankan usaha sama ke arah tujuan tersebut. SIC berhasrat untuk menjadikan LITH sebagai pusat inkubator bagi menghasilkan juruaudit bertauliah dalam hal vegetarianisme.

"India is fast becoming a big producer of outbound tourists to Malaysia. Unfortunately their strict diet makes it very hard to consume anything here. This certification will help not only them, but also the food suppliers, food providers and food exporters from Malaysia to India" kata Encik Abishek.

Sebagai permulaan, kedua-dua pihak telah berjaya mengadakan satu simposium bertajuk *Gastronomy Tourism and Vegetarian Certification* pada 17 April, 2018 bagi meningkatkan kesedaran awam di UUM mengenai vegetarianisme. Simposium ini telah di pengurusikan oleh pengarah LITH Prof. Dr. Azilah Kasim dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Prof. Madya Dr Sandeep Walia dari Chandigarh University (CU), India yang memberikan ucapan beliau mengenai *Gastronomic Tourism in India*. Dr. Sandeep yang turut berhasrat untuk melihat kerjasama antara CU dan UUM melalui LITH, telah meningkatkan pengetahuan peserta simposium tentang sejarah dan kepelbagaian makanan yang mempengaruhi pelancongan di India.

Semasa lawatan ke kampus UUM, kedua-dua pelawat tertarik akan keindahan, kebersihan dan kedamaian kampus Sintok. Kedua-dua tetamu berharap kedatangan mereka akan membuka ruang lembaran kerjasama yang lebih erat antara organisasi masing-masing dengan UUM. Dr. Sandeep telah mencadangkan kerjasama dari segi penganjuran persidangan manakala Encik Abishek pula amat berharap kerjasama antara SIC dan UUM akan menjadi kenyataan dan LITH akan dapat berfungsi sebagai inkubator untuk menghasilkan juruaudit bagi *Vegetarian Certification* di Malaysia tidak lama lagi. Tamat.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA

College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or

use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.